



# KOPI PAHIT

Dalam sambutan mawlid di Singapura yang meriah itu al-Haji Ya'acob Mohamed, Setiausaha Tetap Perdana Menteri Singapura, pengerusi majlis, dalam ucapan Mawlid Nabawī yang diadakan di Padang Esplanade telah berkata terhadap orang ramai yang sedang berjemur di panas itu menyatakan bahawa hendaklah mereka tahan panas kerana panas yang akan dihadapi di neraka kelak beratus-ratus kali ganda daripada panas matahari di dunia ini. Orang ramai terperanjat kerana adakah falsafah Tuan Haji ini menganjurkan orang cuba-cuba menahan panas api neraka dan mengisyaratkan bahawa orang-orang yang datang itu hendakkan dimasukkan ke neraka? *Na'udhu billāhi min dhalik.*

\* \* \*

Di dalam majlis itu pun Tuan Haji Ya'acob kita mencabar ulama-ulama yang ada *shahādah* dan berjubah supaya membuka jubahnya dan bekerja untuk agama kerana katanya mereka itu semuanya hanya mendinginkan diri – membiarkan keadaan agama. Sedang kalau orang-orang balik dari Moscow mereka terus bekerja dan berjuang memperjuangkan faham mereka. Mendengar itu orang bertanya: Apakah perkembangan agama yang ada sekarang ini timbulnya kerana sebab pakaian atau serban? Apakah orang-orang yang berserban (alim ulamanya) tidak ada sedikit jasanya terhadap kepada perkembangan agama? Dan kerana itu pula orang bertanya: “Apa jasa Haji Ya'acob yang mencabar itu telah membuat terhadap perkembangan agama? “ Janganlah hanya

berkata tetapi tidak beramal” Apa lagi hanya tahu mengata dan mencabar tetapi tidak berbuat?

\* \* \*

Peristiwa sambutan Mawlid Nabawī di Singapura ini selalu sahaja membawa riwayat – di atas pentas tempat pemimpin-pemimpin berucap untuk majlis perarakan mawlid yang diadakan di atas lori – di tepi lori, di hadapan tempat orang-orang berdiri di atasnya ada bertulis ayat al-Qur’ān dengan khat yang cantik “*Wa mā arsalnāka illā rahmatan li al-‘ālamīn*”. Di atasnya di sebelah belakang sedikit berdirilah ahli-ahli pidato. Memperingati jasa Junjungan kita Muḥammad (S.A.W). Di manakah kehormatan agama dan kedudukan ayat-ayat Allah? Harap dicatit!

\* \* \*

Golongan ahli al-Sunnah Singapura mengatakan perarakan Mawlid Nabawī yang diadakan oleh orang-orang Islam Singapura seperti perarakan Cina mati. Orang mau bertanya pula waktu menyambut Hari Kebangsaan Singapura dalam masa Maghrib Muhammadiyyah berarak bersama-sama mau bilang apa? Jangan mulut lantang bung! Betulkan diri sendiri dan jangan mengata orang! Qur’an dan hadith tidak mengajar untuk mencaci maki!

\* \* \*

Tahun ini suatu perbuatan amal yang baik dibuat dalam masa menyambut hari keputeraan Junjungan kita Muḥammad (S.A.W) iaitu mereka mengadakan jualan yang diberi kerana derma kenang-kenangan untuk biasiswa ataupun pelajaran anak-anak Islam. Bagus tetapi ada pula tetapnya iaitu yang ada banyak yang menjual bendera-bendera itu terdiri dari gadis-gadis dan mereka digambar menyematkan bendera-bendera itu kepada belia-belua dan orang-orang dewasa. Apa kata pemimpin-pemimpin Islam yang menganjurkan pungutan itu?